



Afi Danial permata baharu basikal negara

Oleh [Syafiq Aznan](#) - Jun 20, 2023 @ 3:54pm
syafiq.aznan@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bergambar bersama Afi Danial (julang piala) dan pasukan UPNM yang muncul johan keseluruhan Le TOUR de IPT (LTdIPT) ketika Majlis Pelancaran Program Semarak Siswa Madani di Putrajaya.

NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Arena berbasikal negara nampaknya memiliki permata baharu dalam pembikinan menerusi kelibat pelumba Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mohamad Afi Danial Ramli Abu Bakar.

Pelumba itu mencetus impak tersendiri pada Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 yang menyaksikan dia menyapu bersih jersi kuning (pendahulu keseluruhan), jersi hijau (raja pecut) dan jersi putih (pendahulu bawah 21 tahun).

Justeru, kejayaan yang dilakar pelumba muda itu pada kejohanan ini bakal dijadikan pembakar semangat untuknya memburu cita-cita yang lebih tinggi dan mengimpikan untuk mewakili negara satu hari nanti.

"Pengalaman bersama pasukan SUKMA Terengganu banyak membantu saya sehingga ke hari ini.

"Harapan saya adalah supaya saya dapat mewakili pasukan SUKMA Terengganu dan diberi peluang untuk berkhidmat bersama pasukan negara.

"Saya juga mengimpikan untuk menyertai pasukan Terengganu iaitu Terengganu Polygon Cycling Team (TSG)," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup LTdIPT 2023 yang disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Putrajaya hari ini.

Juara keseluruhan LTdIPT 2023 menjadi milik UPNM dengan jersi polkadot (raja bukit) turut menjadi milik pelumba UPNM, Ahmad Irfan Abdul Hamid.

Tempat kedua menjadi milik UiTM A sementara tempat ketiga dimenangi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Dalam majlis sama, KPT turut memberikan insentif kecemerlangan sukan kepada atlet Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang meraih pingat emas pada temasya di Sukan SEA Kemboja, bulan lalu.

Seramai 31 atlet menerima insentif terbabit membabitkan jumlah keseluruhan RM64,000 dan atlet wushu, Tan Cheong Min menjadi penerima terbanyak dengan RM4,000.